

31 JAN 2001

AXIS-MIRZAN

MIRZAN MAHATHIR LAWAT IBU PEJABAT AXIS COMMUNICATIONS DI SWEDEN

KUALA LUMPUR, Jan 31 (Bernama) -- Usahawan dan tokoh korporat terkemuka, Mirzan Mahathir, baru-baru ini telah diperkenalkan kepada rumusan-rumusan Axis untuk Rangkaian Bergerak Tempatan, di samping Bluetooth Access Point, Axis 9010.

Bluetooth Axis, yang dilancarkan secara komersil di ITU Telecom Asia 2000, Hong Kong baru-baru ini, merupakan satu standard bebas untuk suara digital dan data transmisi jajaran pendek antara peranti mudah alih dan sistem-sistem tetap yang menyokong aplikasi titik-ke-titik dan pelbagai titik dengan kadar data 720 kilobit sesaat, dengan jarak 10 meter sehingga 100 meter.

Di Malaysia, Axis Communications beribu-pejabat di Kuala Lumpur dan mempunyai status Koridor Raya Multimedia.

Mirzan yang telah melawat ibu pejabat Axis Communications di Stockholm, bersempena dengan program lawatan tiga hari beliau ke Sweden, turut menemui Torbjorn Ward, pengurus besar bahagian Internet Mudah Alih syarikat berkenaan.

Axis di dalam satu kenyataan hari ini berkata, Bluetooth Access Point Axis menyalurkan akses atau laluan kelajuan tinggi kepada semua peranti mudah alih "Bluetooth-enabled" seperti telefon selular, pembantu digital peribadi, komputer peribadi dan peralatan maklumat yang lain, iaitu sebagai tambahan kepada perkhidmatan sokongan data dan suara untuk kedua-kedua peranti tanpa wayar yang baru muncul dan rangkaian tradisional.

Ini sejajar dengan kewujudan Rangkaian Bergerak Tempatan di kawasan yang tinggi laluan atau apa yang dipanggil oleh Axis sebagai "Beehives".

Bluetooth Beehives membolehkan penghantaran perkhidmatan rangkaian yang baru dan inovatif kepada pengguna dan pelanggan di pejabat, hotel, lapangan terbang dan di kebanyakan bangunan persendirian dan tempat awam.

"Peranti-peranti mudah alih membangun dengan lebih cepat berbanding dengan rangkaian-rangkaian mudah alih hari ini," Jan Sjonell, pengurus besar (Asia Pasific) di Axis Communications AB dipetik sebagai berkata di dalam kenyataan itu.

"Bagaimanapun, dalam tempoh yang terdekat ini, hampir setiap komputer mudah alih, telefon bimbit dan peranti pegangan akan dipasang dengan cip Bluetooth chip yang akan membolehkan akses jalur lebar ke Internet dan aplikasi-aplikasi multimedia.

"Kebanyakan orang percaya yang (generasi ketiga atau teknologi 3G) akan mampu menyelesaikan masalah ini. Apa yang mereka tidak sedari ialah kita terpaksa menunggu dua hingga tahun lagi sebelum perkhidmatan 3G boleh digunakan oleh orang ramai. Perkhidmatan-perkhidmatan ini kemungkinan lebih mahal kerana kos infrastruktur dan pelesenan yang tinggi.

Dalam pada itu, di kawasan yang mempunyai laluan tinggi, jalur lebar untuk 3G akan menyesakkan kerana ramai orang terpaksa berkongsi gelombang-gelombang yang terhad," kata Sjonell.

Tinjauan IDC baru-baru ini menunjukkan yang lebih ramai pengguna akan akses ke Internet menerusi peranti tanpa wayar berbanding dengan hubungan yang berwayar menjelang akhir tahun 2002.

Pertumbuhan yang sama dalam perhubungan tanpa wayar akan turut menukar corak kerangka rangkaian korporat.

Rumusan Axis akan membolehkan dan mempercepatkan integrasi prestasi tinggi, permintaan yang kian meningkat untuk perhubungan tanpa wayar, perkhidmatan untuk usahawan, pengguna dan pembekal-pembekal perkhidmatan.

Menurut Sjonell, pembiakan peranti-peranti tanpa wayar akan berubah dengan ketara, iaitu bukan sahaja orang ramai boleh mengakses ke dalam Internet, tetapi di mana dan bagaimana mereka akan menggunakannya. --
BERNAMA

MR SEL AA OS